

# Impak Pesta Kaul Mukah 2023 Pasca Covid19 kepada Sosio Budaya dan Ekonomi

**Suffina Long\***

*Kolej Pengajian Perkomputeran, Informatik dan Matematik, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Sarawak,  
Kampus Mukah*

*Pusat Penyelidikan Melanau, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Sarawak, Kampus Mukah  
Email: [suffinalong@uitm.edu.my](mailto:suffinalong@uitm.edu.my)*

**Noor Emma Shamsuddin**

*Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Sarawak, Kampus Mukah  
Pusat Penyelidikan Melanau, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Sarawak, Kampus Mukah  
Email: [noore465@uitm.edu.my](mailto:noore465@uitm.edu.my)*

**Tang Howe Eng**

*Kolej Pengajian Perkomputeran, Informatik dan Matematik, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Sarawak,  
Kampus Mukah  
Email: [lily@uitm.edu.my](mailto:lily@uitm.edu.my)*

**Yahutazi Chik**

*Pusat Pengajian Sains, Perladangan dan Agroteknologi, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Sarawak, Kampus  
Mukah  
Pusat Penyelidikan Melanau, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Sarawak, Kampus Mukah  
Email: [yahutazi@uitm.edu.my](mailto:yahutazi@uitm.edu.my)*

**Mohamad Musa Bohari**

*Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Sarawak, Kampus Mukah  
Pusat Penyelidikan Melanau, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Sarawak, Kampus Mukah  
Email: [moham241@uitm.edu.my](mailto:moham241@uitm.edu.my)*

\*Pengarang Koresponden

## ABSTRAK

Pesta Kaul Mukah merupakan pesta ulung yang diraikan oleh Masyarakat kaum Melanau di Mukah, Sarawak. Pesta Kaul ini menandakan telah berakhirnya musim tengkujuh dan merupakan permulaan kalender tahunan bagi suku kaum Melanau yang dikenali sebagai bulan *Pengejin* iaitu pada sekitar bulan Mac dan April setiap tahun. Uniknya, Kaul pada asalnya diadakan untuk memohon restu ataupun pemujaan daripada semangat penjaga laut, darat, ladang dan hutan atau dikenali juga sebagai *Ipok* agar penduduk tidak diganggu ketika mencari rezeki. Bagaimanapun, selaras dengan pengaruh agama Islam dalam masyarakat Melanau, Pesta Kaul di Mukah pada zaman moden ini telah berubah secara beransur-ansur daripada tujuan asalnya kepada pesta yang memartabatkan warisan budaya Melanau seperti mempamerkan makanan tradisi, sukan rakyat serta dianjurkan secara besar-besaran sehingga dimasukkan ke dalam kalender pelancongan negeri Sarawak untuk menarik ramai ramai pengunjung dan pelancong bukan sahaja dari sekitar kawasan Mukah dan seluruh pelusuk Sarawak malahan juga dari luar negeri Sarawak. Oleh itu, penganjuran pesta kaul dengan skala yang besar ini menimbulkan persoalan kajian sejauh manakah Pesta Kaul 2023 ini mampu meningkatkan taraf ekonomi, pelancongan dan memperkenalkan budaya Melanau

kepada penduduk setempat dan sekitarnya. Objektif kajian ini pula adalah untuk mengenalpasti impak penganjuran Pesta Kaul Mukah 2023 pasca COVID-19 dari segi ekonomi, sosiobudaya dan alam sekitar. Pendekatan kuantitatif telah digunakan iaitu dengan menekankan pengukuran objektif dan analisis statistik dengan mengumpulkan data melalui soal selidik kepada 313 orang pengunjung yang hadir sepanjang tiga hari utama Pesta Kaul Mukah 2023 berlangsung. Hasil kajian ini mendapati bahawa Pesta Kaul 2023 mampu menjana pendapatan kepada peniaga tempatan, dan Pesta Kaul 2023 juga masih mampu menarik ramai pelancong dan pengunjung untuk datang ke Mukah. Dalam pada yang sama Pesta Kaul Mukah 2023 ini juga mampu memberikan impak kepada pemuliharaan kebudayaan masyarakat Melanau di samping membangunkan komuniti setempat. Kesimpulan kajian ini ialah Pesta Kaul Mukah 2023 pasca COVID-19 mampu mengumpulkan pengunjung untuk memperkenalkan kebudayaan masyarakat Melanau dan menjana ekonomi masyarakat setempat. Impilikasi kajian ini ialah pihak penganjur kepada Pesta Kaul pada masa hadapan haruslah memastikan pengekalan penganjuran Pesta Kaul dalam melestarikan sosio budaya Melanau.

**Kata Kunci:** *Pesta Kaul Mukah, Impak, Sosio Budaya, Melanau, Pasca COVID-19*

## PENGENALAN

Pesta Kaul Mukah 2023 telah diadakan pada 26 April 2023 (Rabu) sehingga 1 Mei 2023 ( Isnin) bertempat di Taman Kala Dana, Mukah, Sarawak. Pesta Kaul yang diraikan oleh masyarakat kaum Melanau menandakan telah berakhirnya musim tengkujuh dan juga permulaan kalendar yang dikenali sebagai bulan *Pengejin*, iaitu pada sekitar bulan Mac dan April pada setiap tahun. Uniknya, Pesta Kaul pada zaman dahulu diadakan untuk memohon restu dari penjaga laut, darat, ladang dan hutan supaya mereka tidak terganggu ketika mencari rezeki..

Walaupun demikian, pada masa sekarang Pesta Kaul bukan diadakan semata-mata berdasarkan kepada kepercayaan keagamaan masyarakat Melanau “Pagan” tetapi lebih kepada suatu pesta keramaian yang memperkenan keunikan warisan dan kebudayaan Masyarakat Melanau di Sarawak. Pesta keramaian yang telah diadakan secara tahunan sejak dahulu lagi ini kebiasaannya diadakan pada bulan April di Pantai Kala Dana Mukah. Bagaimanapun penganjuran Pesta Kaul turut terkesan sehingga tidak dapat dilaksanakan selama dua tahun akibat penularan wabak pandemik COVID-19 dan hanya dapat dianjurkan kembali secara besar-besaran pada tahun 2023 dari 26 April 2023 hingga 1 Mei 2023.

Di antara pengisian pesta keramaian ini adalah pameran khazanah budaya kaum Melanau melalui gerai komuniti yang merangkumi pameran pakaian tradisional Melanau, barangank kraftangan, pesta makanan yang dikenali sebagai 'Keman Kaul', permainan tradisional seperti Pertandingan Tibow, pertandingan sampan tradisional masyarakat Melanau yang dikenali sebagai ‘Bidar Lukut,’ dan juga persembahan tarian serta pertandingan ratu cantik Melanau yang dikenali sebagai ‘Teluwaih Jinh’. Turut diadakan adalah bengkel penyediaan ‘Serahang Kakan’ iaitu sejenis anyaman tradisional masyarakat Melanau khusus untuk ritual pembukaan Pesta Kaul.

Sebagai salah satu aktiviti tahunan dalam kalendar pelancongan negeri Sarawak, penganjuran Pesta Kaul pastinya boleh mendatangkan pelbagai impak. Berdasarkan kajian serta carian penyelidik, didapati kajian khusus yang memfokuskan pada impak Pesta Kaul masih kurang. Justeru itu, diantara objektif kajian ini dilakukan adalah untuk mengkaji dan mengenalpasti sejauhmana dan bagaimana penganjuran Pesta Kaul 2023 Pasca COVID-19 telah mendatangkan impak pada individu, masyarakat, pengunjung mahupun penduduk setempat setelah ditangguhkan selama dua tahun akibat wabak pandemik COVID-19..

Disamping itu, diantara persoalan yang diketengahkan dalam kajian ini adalah berkisar tentang bagaimana Pesta Kaul Mukah 2023 Pasca COVID-19 mendatangkan impak dari sudut ekonomi. Penting untuk dikenalpasti sama ada penganjuran pesta ini mendatangkan manfaat ekonomi yang ketara kepada

para pengusaha atau peniaga mahupun penduduk setempat. Selain itu, impak dari aspek sosiobudaya juga penting untuk dikaji. Antaranya, adakah penganjuran pesta telah membantu mempromosikan budaya Melanau dan bagaimana pestaini mampu untuk mengetengahkan sosio budaya Melanau di mata Masyarakat luar. Mustahak juga dikenalpasti sama ada penganjuran pesta ini telah mempengaruhi pengunjung untuk lebih menghargai warisan budaya Melanau

## KAJIAN LITERATUR

Pesta Kaul merupakan sambutan tahunan penting yang mencerminkan identiti masyarakat Melanau. Perayaan ini disambut dengan pelbagai upacara dan tradisi, termasuk upacara *Serarang* atau *Serahang*, yang melibatkan penggunaan simbol makanan (Inai et al., 2020). Perayaan ini juga dikaitkan dengan penggunaan makanan tradisional, seperti "pulut tekan" dan "umai" (Buyun, 1999). Kaum Melanau adalah kumpulan etnik di Sarawak, Malaysia, dan Pesta Kaul adalah bahagian penting dalam warisan kebudayaan mereka. Walaupun kehilangan budaya dan dialek Melanau secara beransur-ansur, perayaan ini tetap menjadi peringatan penting kepada ritual pagan Melanau dan masih disambut oleh ramai orang Melanau, termasuk mereka yang beragama Islam atau Kristian.

Kerajaan malah turut mengakui Pesta Kaul seperti festival-festival yang lain dalam penjanaan aktiviti ekonomi (Fatimah, 2012). Dengan peningkatan jumlah pelawat dan pelancong semasa pesta berlangsung, peniaga dan penjaja tempatan seperti penjual makanan, cenderahati dan penyedia tempat penginapan mendapat manfaat dan keuntungan yang besar. Pesta Kaul Mukah menjadi tarikan utama pelancong yang mencari dan merasai pengalaman budaya masyarakat Melanau. Pesta ini mempamerkan tradisi, seni dan warisan yang unik bagi komuniti dan masyarakat Melanau (Sarawak Tourism, 2019). Daya tarikan ini dapat menarik pelancong dan menggalakkan industri pelancongan tempatan.

Secara keseluruhannya, Pesta Kaul merupakan acara kebudayaan penting yang mencerminkan identiti masyarakat Melanau dan disambut dengan pelbagai ritual, tradisi dan makanan tradisional. Walaupun kehilangan budaya dan dialek Melanau secara beransur-ansur, perayaan ini tetap menjadi peringatan penting kepada acara yang asalnya hanya mengkhusukan kepada ritual masyarakat "pagan" Melanau dan masih disambut majoriti masyarakat Melanau. Bagaimanapun, Pandemik COVID-19 telah memberi impak yang besar kepada penganjuran Pesta Kaul yang merupakan perayaan tahunan masyarakat Melanau di Mukah, Sarawak. Perhimpunan berskala besar seperti Pesta Kaul yang menarik perhatian masyarakat di seluruh Sarawak berpotensi menyebabkan peningkatan pergerakan para pengunjung dari peringkat pra-festival dari satu tempat ke tempat lain.

Akibatnya, Pesta Kaul sejak penularan wabak Pandemik COVID-19 telah dibatalkan penganjurannya selaras dengan ketetapan daripada Majlis Keselamatan Kebangsaan Malaysia (MKN). Bagaimanapun, setelah masyarakat dunia beransur-ansur keluar daripada kepompong penularan wabak COVID-19, akhirnya penganjuran Pesta Kaul telah diadakan semula pada tahun 2023 dan telah menarik ramai pengunjung tempatan dari seluruh negeri Sarawak serta juga pengunjung dari negeri-negeri lain di Malaysia malah turut menarik pelancong dari luar negara.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian impak ini menggunakan pendekatan kuantitatif iaitu dengan menekankan pengukuran objektif dan analisis statistik dengan mengumpulkan data melalui soal selidik kepada 313 dari lebih 10000 orang pengunjung yang hadir sepanjang tiga hari utama Pesta Kaul Mukah 2023 berlangsung. Tinjauan soal selidik diberikan kepada pengunjung, peniaga dan pempamer dengan menggunakan medium *Google Form*. Soal selidik ini juga telah disebarluas melalui medium komunikasi sosial seperti aplikasi *WhatsApp* dan janaan kod QR untuk memudahkan responden memberikan maklumbalas.

Soal selidik terdiri dari empat (4) bahagian utama iaitu yang pertama adalah demografik responden yang memfokuskan kepada taburan-taburan jantina, umur, kaum, status pekerjaan dan pendidikan, pedapatan bulanan serta status perkahwinan pengunjung ke Pesta Kaul Mukah 2023. Bahagian kedua dalam soal selidik ini memfokuskan kepada impak Pesta Kaul Mukah terhadap ekonomi, sosiobudaya dan alam sekitar manakala bahagian ketiga adalah menyasarkan kepuasan pengunjung terhadap kemudahan dan perkhidmatan sepanjang pesta ini berlangsung. Bahagian keempat dan yang terakhir adalah maklumbalas pengunjung terhadap aktiviti-aktiviti yang dijalankan sepanjang pesta berlangsung dan juga cadangan-cadangan penambahbaikan Pesta Kaul Mukah pada masa hadapan.

## DAPATAN

### **Demografik Pengunjung Pesta Kaul Mukah 2023**

Dapatan daripada 313 responden yang menjawab soal selidik kajian impak Pesta Kaul Mukah 2023 mendapati daripada 313 responden yang terlibat, 51.8% (162 orang) adalah pengunjung wanita manakala 48.2% (151) adalah pengunjung lelaki.

**Jadual 1 Taburan Jantina Responden**

Jantina	Pengunjung
<b>Lelaki</b>	151 (51.8%)
<b>Perempuan</b>	162 (48.2%)

Berdasarkan Jadual 2 daripada 313 responden, 31.9% adalah dalam kumpulan usia 11-20 tahun, 26.5% dalam kumpulan usia 21-30 tahun, 17.6% dalam kumpulan usia 31-40 tahun, 13.7% dalam kumpulan usia 41-50 tahun, 5.8% dalam kumpulan usia 51-60 tahun, dan 4.5% dalam kumpulan usia 61-70 tahun. Tiada maklum balas daripada responden yang berusia 71 tahun ke atas.

**Jadual 2 Taburan Lingkungan Usia Responden**

Lingkungan Usia (Tahun)	Jumlah Pengunjung
11 – 20	100
21 – 30	83
31 – 40	55
41 – 50	43
51 – 60	18
61 – 70	14

Dalam kajian ini, berdasarkan Jadual 3, daripada 313 responden, 53.4% adalah daripada kaum Melanau, manakala 27.2% adalah berbangsa Melayu, 8.9% adalah kaum Iban, dan kaum Cina serta Bidayuh masing-masing menyumbang 3.2%. Kaum lain seperti Kenyah menyumbang 2.9%, Kayan 1%, dan Kedayan 0.3%. Oleh itu, majoriti pengunjung Pesta Kaul Mukah 2023 adalah daripada kaum Melanau.

**Jadual 3 Taburan Kaum Responden**

Kaum	Jumlah Pengunjung	Peratusan (%)
Melanau	167	53.4
Melayu	85	27.2
Cina	28	3.2
Iban	10	8.9

Bidayuh	10	3.2
Kenyah	9	2.9
Kayan	3	1
Kedayan	1	0.3

Berdasarkan Jadual 4, daripada 313 responden, 52.4% adalah lulusan sekolah menengah, 25.6% memiliki diploma, 11.8% adalah lulusan sarjana muda, dan hanya sejumlah kecil yang memiliki lulusan sarjana atau lebih tinggi, termasuk doktor falsafah.

**Jadual 4 Taburan Status Pendidikan Responden**

Status Pendidikan	Jumlah Pengunjung	Peratusan (%)
Sekolah Menengah	164	52.4
Diploma	80	25.6
Sarjana Muda	37	11.8
Sarjana	10	3.2
Doktor Falsafah	2	0.6
Professional	1	0.3

Berdasarkan Jadual 5, dalam kalangan 313 responden yang menghadiri Pesta Kaul Mukah 2023, 20.8% merupakan pekerja dalam sektor swasta, sementara 18.8% adalah pekerja dalam sektor kerajaan. Terdapat juga pengunjung yang merupakan pelajar sekolah dan institut pengajian tinggi, masing-masing sebanyak 15.7% dan 12.1%. Selanjutnya, terdapat pengunjung yang berkerja sendiri atau memiliki perniagaan sendiri, dengan kadar masing-masing 10.5% dan 8%.

**Jadual 5 Taburan Pekerjaan Responden**

Pekerjaan	Jumlah	Peratusan (%)
Pelajar sekolah	49	15.7
Pelajar IPT	38	12.1
Bekerja dalam sektor kerajaan	59	18.8
Bekerja dalam sektor swasta	65	20.8
Bekerja sendiri	33	10.5
Perniagaan persendirian	25	8
Pesara	13	4.2
Tidak bekerja	26	8.3
Lain-lain pekerjaan	5	1.5

## **Impak Pesta Kaul Mukah 2023 Kepada Sosiobudaya dan Ekonomi**

Jadual 6 menunjukkan impak Pesta Kaul Mukah 2023 terhadap sosiobudaya dan ekonomi masyarakat Melanau di Mukah. Daripada sejumlah 313 orang responden, dengan skala 1 hingga 5 (1: sangat tidak bersetuju, 2: tidak bersetuju, 3: neutral, 4: bersetuju, 5: sangat bersetuju), majoriti responden bersetuju bahawa Pesta Kaul Mukah 2023 mampu meningkatkan ekonomi peniaga kecil dan sederhana tempatan (min: 4.29). Responden juga bersetuju bahawa Pesta Kaul Mukah 2023 juga dapat meningkatkan peluang pekerjaan (min: 4.20), meningkatkan hasil jualan (min: 4.39) malahan juga meningkatkan pengunjung untuk tinggal di inap desa persendirian dan rumah tumpangan (4.42). Responden juga bersetuju bahawa,

Pesta Kaul Mukah 2023 juga memberi impak kepada pembangunan sosiobudaya masyarakat Melanau (min: 4.49).

**Jadual 6 Impak Pesta Kaul Mukah 2023 terhadap Sosiobudaya dan Ekonomi**

	N	Minimum	Maximum	Mean	Std.		Skewness	Kurtosis	
					Statistic	Deviation		Std. Error	Statistic
Peningkatan Ekonomi	313	1.86	5.00	4.2921	.69448	-.847	.138	.197	.275
Ekonomi/Keuntungan Sebelum Covid-19	313	1.00	5.00	4.3099	.84151	-.962	.138	.132	.275
Sosiobudaya	313	1.80	5.00	4.4933	.65691	-1.292	.138	1.197	.275
Valid N (listwise)	313								
	N	Minimum	Maximum	Mean	Std.	Deviation	Skewness	Kurtosis	
	Statistic	Statistic	Statistic	Statistic	Statistic	Statistic	Std. Error	Statistic	Std. Error
eco_peluangkerja	313	1	5	4.20	1.006	-1.223	.138	1.014	.275
eco_tingkatjualan	313	1	5	4.39	.801	-1.301	.138	1.612	.275
seblmcoviduntung	313	1	5	4.31	.842	-.962	.138	.132	.275
eco_hasiljual	313	1	5	4.27	.825	-.893	.138	.165	.275
eco_bangunkomuniti	313	1	5	4.37	.791	-1.115	.138	.789	.275
eco_tambahbaik	313	1	5	4.10	.982	-.969	.138	.551	.275
eco_tingkatkunjung	313	1	5	4.30	.831	-1.042	.138	.746	.275
eco_bilmenginap	313	2	5	4.42	.730	-.944	.138	-.146	.275
sosio_imej	313	1	5	4.45	.767	-1.227	.138	.900	.275
sosio_pelihara	313	1	5	4.54	.702	-1.542	.138	2.386	.275
sosio_semangatmasy	313	2	5	4.50	.726	-1.309	.138	.903	.275
sosio_gembira	313	2	5	4.48	.730	-1.212	.138	.673	.275
selamat	313	2	5	4.32	.746	-.681	.138	-.577	.275
sosio_pelbagai	313	2	5	4.50	.685	-1.129	.138	.472	.275
Valid N (listwise)	313								

Dengan merujuk kepada jadual impak di atas, didapati bahawa majoriti daripada pengunjung pesta Kaul 2023, bersetuju bahawa memelihara kebudayaan masyarakat Melanau dan menjaga sosiobudaya Melanau merupakan impak terpenting bagi penganjuran Pesta Kaul. Dalam masa yang sama, Pesta Kaul Mukah juga dilihat mampu untuk mewujudkan peluang pekerjaan dalam komuniti setempat dan meningkatkan ekonomi peniaga dan pengusaha inap desa.

## KESIMPULAN

Kajian ini menunjukkan bahawa Pesta Kaul 2023 berjaya dalam mewujudkan pendapatan bagi peniaga tempatan, serta mampu menarik banyak pelancong dan pengunjung ke Mukah iaitu satu-satunya bahagian yang menjadi nadi kepada masyarakat Melanau. Pesta Kaul 2023 juga memberikan sumbangan

yang penting kepada pemeliharaan kebudayaan masyarakat Melanau dan pembangunan komuniti tempatan. Kajian ini juga mampu membuktikan bahawa di antara impak paling ketara pengajuran Pesta Kaul Mukah 2023 adalah pemeliharaan kebudayaan masyarakat Melanau, peningkatan kesedaran terhadap kepelbagai budaya masyarakat Melanau Mukah, serta pemerkasaan semangat kemasyarakatan. Penduduk tempatan di sekitar Mukah juga berasa bangga dengan peningkatan jumlah pelancong, terutamanya setelah pandemik COVID-19. Peningkatan jumlah pelancong ke Mukah tidak hanya memberi dorongan kepada ekonomi penduduk yang menjalankan perkhidmatan inap desa atau rumah tumpangan, tetapi juga menggalakkan aktiviti perniagaan kecil dan sederhana tempatan dengan peningkatan hasil penjualan. Selain itu, ianya turut membuka peluang pekerjaan dalam komuniti tempatan. Kesimpulan daripada kajian ini adalah bahawa Pesta Kaul Mukah 2023, yang diadakan selepas penularan wabak COVID-19, berjaya menghimpunkan pengunjung untuk memperkenalkan warisan budaya masyarakat Melanau dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi komuniti tempatan.

## **PENGHARGAAN**

Kajian ini telah disokong oleh Persatuan Melanau Mukah dan Pusat Penyelidikan Melanau, UiTM Cawangan Sarawak, Kampus Mukah.

## **RUJUKAN**

- Buyun, B. H. (1999). Mukah Kaul 1999 and Its Significance. Pustaka Sarawak.
- Fatimah. (2012, April 16). Use Pesta Kaul to Generate More Economic Activities. The Borneo Post. <https://www.theborneopost.com/2012/04/16/use-pesta-kaul-to-generate-more-economic-activities-fatimah/>
- Inai, N. N., Magiman, M. M., Salleh, N., Yusoff, A. N. M., Tugau, M., & Permana, S. A. (2020). The Analysis Of Food Symbols In The'Serarang'Ritual Of The Melanau Likow Community In Dalat, Sarawak. *International Journal of Innovation, Creativity and Change*, 14(3,723-741).
- Sarawak Tourism. (2019, July 10). The Melanau Cultural Experience and the Pesta Kaul. Sarawak Tourism. <https://sarawaktourism.com/blog/the-melanau-cultural-experience-and-the-pesta-kaul>